

Headline **FRIM, JPA juara Futsal Penjawat Awam 2011**
Date **30 Jan 2011**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Sukan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **120,848 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **60**
Article Size **197 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,360**
PRValue **7,081**



PARA pemenang Kejohanan Futsal Penjawat Awam bangga dengan hadiah masing-masing selepas berakhirnya kejohanan edisi sulung itu di Putrajaya, semalam.

FRIM, JPA juara Futsal Penjawat Awam 2011

MERIAH... Sebanyak 70 pasukan futsal dari seluruh negara menyertai pertandingan akhir Kejohanan Futsal Penjawat Awam 2010 yang berakhiri di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya semalam.

Kejohanan anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang bermula pada 28 Januari lalu itu disertai pasukan yang terdiri daripada penjawat awam di

seluruh negara.

Juara kategori lelaki kejohanan itu dikongsi bersama oleh pasukan futsal FRIM dan JPA ekoran hujan lebat menyebabkan perlawanan akhir tidak dapat dilangsungkan.

Kedua-dua pasukan berkenaan berkongsi hadiah tempat pertama dan kedua iaitu wang tunai sebanyak RM2,000 dan RM1,500.

Manakala, kategori wa-

nita pula dimenangi pasukan futsal PDRM yang membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 selepas menumpaskan pasukan RTM 1-0 pada perlawanan akhir.

RTM membawa pulang hadiah wang tunai RM700.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ketua Setiausaha KBS, Datuk Mohid Mohamed.